



[Home](#) / [2025](#) / [January](#) / Program BYOC2.0@Tapah Campus: Ke Arah Kampus Lestari

GRU2025

16/01/2025 / DR FARIHANA ABDUL RAZAK



TAPAH, 31 Disember 2024 – Unit 2 (Green Office) Jawatankuasa Kampus Hijau UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah telah menganjurkan program Bring Your Own Container atau dikenali sebagai “BYOC2.0@Tapah Campus” sempena bulan inovasi bagi tahun 2024. Program ini berlangsung pada setiap hari Selasa, selama tiga bulan iaitu dari bulan Oktober sehingga bulan Disember 2024.

Objektif utama program ini adalah mengurangkan pembuangan sampah, memupuk kesedaran warga kampus terhadap konsep gaya hidup lestari, dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar. Program ini melibatkan warga UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah yang berminat menjadi peserta program dengan cara membawa sendiri bekas makanan dan minuman mesra alam, memuatnaik gambar dan mengisi borang melalui Google Form.

Program ini merupakan salah satu usaha bagi mencapai PI 107 (Recycle 3R) dan PI 108 (Reduce Plastic and Paper Usage). Setelah tiga bulan berlangsung, program “BYOC2.0@Tapah Campus” telah berjaya mencapai matlamatnya dalam meningkatkan kesedaran warga kampus terhadap amalan lestari. Tiga orang pemenang bulanan telah diumumkan melalui email pada 31 Disember 2024. Para peserta dan pemenang bulanan turut menerima hadiah istimewa yang diberikan secara bersemuka pada 2-3 Januari 2025 oleh jawatankuasa program sebagai tanda terima kasih menyokong program “BYOC2.0@Tapah Campus” ini.

Dengan penglibatan aktif peserta, program ini membuktikan bahawa langkah kecil seperti membawa sendiri bekas makanan dan minuman yang mesra alam mampu memberikan impak besar terhadap pengurangan sisa dan penggunaan plastik. Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada semua pihak yang telah

menyokong dan menyemarakkan program ini.

Diharapkan program ini menjadi asas kukuh bagi pelaksanaan pengurangan plastik sekaliguna dan galakan membawa bekas makanan sendiri di Universiti Teknologi MARA seperti termaktub

dalam Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Bil 3 Tahun 2024 khususnya.

Penulis bersama: Nurul Aimi binti Zakaria, Yanti binti Yaacob dan Wan Nurul Fatimah binti Wan Ismail



Tags: [BYOC2.0](#), [green campus](#), [UiTM Cawangan Tapah](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)



UiTM Pahang Tingkatkan Sokongan Inklusif Melalui Program Kesedaran Pelajar Neurodivergen

Champion Student Esports League 2024: Penganjuran Berjaya Merancakkan Dunia E-Sukan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan



QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)

[Academic Calendar](#)

[Intake Calendar](#)

[Graduate Quick Search](#)

[Library](#)

[UiTM Holdings](#)

[WiFi UiTM](#)

[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul
Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

